

UM 5 DEC 2002

## Prosedur lebih ketat untuk jaga kepentingan penderma

KUALA LUMPUR 4 Dis. — Prosedur lebih ketat yang dikenakan terhadap pihak yang berhasrat mengumpul derma bagi membantu pesakit kronik bertujuan menjaga kepentingan penderma serta mengelak wang kutipan disalahgunakan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peraturan baru yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan itu akan memastikan orang ramai tidak kecewa apabila kutipan disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Tegasnya, kerajaan tidak bermaksud mahu mengaut keuntungan daripada pengenalan prosedur yang ketat itu.

Beliau menarik perhatian bagaimana masyarakat amat prihatin terhadap ketelusan penyaluran wang derma kepada pesakit dalam satu kes yang heboh diperkatakan baru-baru ini.

"Mereka kata kenapa orang ini dapat sampai RM300,000 dan press (media) juga buat isu semacam ini tetapi yang kutip itu adalah hasil daripada publisiti press.

"Saya sendiri pun tengok jugalah (menziarahi pesakit itu) dan hulurlah setakat yang mampu juga.

"Oleh sebab itu, kita adakan peraturan sedikit. Kita tidak mahu bazirkan derma ikhlas dermawan kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menziarahi pasangan kembar siam yang berjaya dipisahkan Sabtu lalu, Azami dan Azama Kamarulzaman di Institut Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur (HKL) hari ini.

Perdana Menteri mengulas langkah Kementerian Kesihatan mengenakan prosedur lebih ketat ke atas pihak-pihak yang berhasrat mengumpul derma membantu pesakit kronik.

Ini termasuk mendaftar terlebih dahulu dengan Ketua Pengarah Kesihatan dan mendapatkan permit polis.

Antara garis panduan lain yang mesti dipatuhi ialah mengisi borang yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan, menyimpan akaun dengan teratur termasuk diaudit oleh juruaudit bertauliah dan wang yang dikutip perlu digunakan untuk membantu pesakit berkenaan sahaja.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan mendapati ramai orang membuat permintaan untuk menjalankan kutipan derma tetapi malangnya bentuk dan kepada siapa ia disalurkan tidak diketahui.

"Sepatutnya, ada satu tabung untuk semua dan bila hendak didermakan, wang dikeluarkan kepada pesakit terbabit manakala bakinya boleh digunakan untuk pesakit lain," katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri turut menolak dakwaan peraturan baru itu akan menyebabkan berlaku kerenah birokrasi dalam kementerian sehingga menyebabkan kelewatan pembiayaan bagi pesakit kronik yang memerlukan pembedahan segera.

Menurutnya, kerenah birokrasi tidak akan berlaku sebaliknya masalah untuk menampung pesakit kronik yang mahu tinggal lebih lama di hospital.

"Seorang pesakit kronik akan duduk dalam hospital untuk tempoh dalam jangka masa panjang tetapi kita nak guna tempat itu untuk orang lain.

"Oleh itu kita kadang kala perlu akur kepada perkara ini. Sebab nanti, sesiapa sahaja termasuk tok (datuk) mereka asal sakit datang nak masuk hospital," katanya.

Kata beliau: "Padahal ini tanggungjawab kita untuk menjaga orang tua kita. Janganlah selepas hantar ke hospital, tidak datang lagi dah menziarahi mereka."